



MOHD. ANIT ABDULLAH memeriksa lembu yang sempat disembelihnya selepas haiwan tersebut sakit dipercayai terminum air beracun di sebuah kebun limau di Kampung Kubang Ulu, Penanti, Bukit Mertajam, semalam.

Rugi RM42,000 lembu mati dipercayai diracun

BUKIT MERTAJAM 2 April - Sebuah keluarga yang mengusahakan ternakan lembu kerugian hampir RM42,000 selepas 12 ekor lembu mereka mati dalam keadaan mencurigakan di sebuah kebun limau di Kampung Kubang Ulu, Penanti dekat sini semalam.

Dalam kejadian pukul 4 petang itu, enam ekor lembu iaitu dua jantan dan empat betina ditemukan mati dalam keadaan perut kembung, najis berdarah dan mulut berbuih.

Sebanyak enam ekor lembu lagi iaitu masing-masing dua ekor lembu jantan, betina dan anak lembu terpaksa disembelih selepas berada dalam tenat akibat mulut berbuih dan perut kembung.

Kesemua binatang peliharaan itu mati dipercayai terminum air yang bercampur baja urea di kebun tersebut.

Turut ditemukan di lokasi kejadian ialah beberapa tong cat berisi sisa baja berkenaan.

Penternak berkenaan, **Mohd. Anit Abdullah**, 34, memberitahu, semua ternakan itu kepunyaannya serta rakan, Mohd. Shafizi Azmi, 25, dan dua bapa saudara, Mohd. Shafizi.

Menurutnya, mereka mengusahakan ternakan itu sejak beberapa tahun lalu dan merupakan antara pembekal daging lembu utama di daerah Penanti, Bukit Mertajam.

Ujarnya, kesemua lembu itu dite-

mukan di sebuah kebun limau dan pisang yang terletak 800 meter dari rumahnya berhampiran kebun kelapa sawit yang selama ini dijadikan tempat meragut haiwan tersebut.

Mohd. Anit memberitahu, sepanjang menternak lembu mereka sekeluarga tidak pernah membiarkan haiwan terbabit memasuki kebun penduduk kampung, sebaliknya menjadikan kebun kelapa sawit yang diberi kebenaran pemiliknya sebagai tempat meragut.

Sehubungan itu, dia hairan bagaimana haiwan ternakan tersebut boleh terlepas memasuki kebun limau dan pisang sebelum ditemukan mati di situ.

"Walaupun tidak mempunyai bukti tetapi penemuan tong berisi sisa baja urea mengundang pertanyaan tentang sebab kematian kesemua lembu itu," katanya.

Tambah Mohd. Anit, dia dan Mohd. Shafizi kemudiannya membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) petang semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah SPT, **Asisten Komisioner Rusli Mohd. Noor** yang dihubungi mengesahkan kejadian dan berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan daripada pelbagai sudut berhubung kes tersebut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 429 Kanun Keseksaan kerana khianat terhadap binatang," katanya.